

TIGER BALM® PLUS OINTMENT

Camphor/ Menthol/ Methyl Salicylate/ Cajuput Oil/ Dementholised Mint Oil/ Clove Oil (11% w/w / 10% w/w / 10% w/w / 7% w/w / 6.0% w/w / 5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Plus Ointment*
2. Bagaimana *Tiger Balm Plus Ointment* berfungsi
3. Sebelum *Tiger Balm Plus Ointment*
4. Cara *Tiger Balm Plus Ointment*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Plus Ointment*
6. Kesan- kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan & Pelupusan *Tiger Balm Plus Ointment*
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Tiger Balm Plus Ointment*

Untuk kelegaan sementara bagi sakit otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, radang sendi, sakit reumatik, sakit pinggang dan terseliuh.

Bagaimana *Tiger Balm Plus Ointment* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan dan kesan analgesik. Apabila diurut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasakan pada mulanya diikuti dengan rasa hangat yang boleh bertahan selama tempoh beberapa jam.

Sebelum menggunakan *Tiger Balm Plus Ointment*

-Bila tidak boleh menggunakannya
Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

-Sebelum mula menggunakannya
Ia boleh menyebabkan tindak balas alergi kepada individu yang berkulit sensitif. Sebelum menggunakannya, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain
Untuk individu yang mengambil warfarin (ubat cair darah), gunakan atas nasihat doktor untuk mengelakkan penggunaan berlebihan kepada kulit yang boleh menyebabkan pendarahan.

Cara menggunakan *Tiger Balm Plus Ointment*

-Berapa banyak harus digunakan
Gunakan hanya secukupnya dan sapu pada bahagian yang terjejas.

-Bila perlu digunakan
Gunakan apabila mengalami sakit otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, radang sendi, sakit reumatik, sakit pinggang dan terseliuh.

- Berapa lama perlu digunakan
Disyorkan untuk menggunakan 3 hingga 4 kali sehari.

- Jika terlupa menggunakan
Runding dengan doktor mengenai apa yang harus anda lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami simptom kesakitan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang terlebih menggunakan ubat ini secara berlebihan atau tertelan secara tidak sengaja, berunding dengan doktor secepat mungkin atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital berdekatan. Lakukan sedemikian walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan lanjut.

Semasa menggunakan *Tiger Balm Plus Ointment*

- Perkara yang perlu dilakukan
Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. Wanita mengandung dan wanita menyusui perlu dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakannya.

- Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapukan *Tiger Balm Plus Ointment* pada luka terbuka atau kulit yang gatal.
- Jangan ikat dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak bawah 2 tahun.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Langkah berhati-hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung, mata, mukus membran, atau bahagian badan yang lembut.
- Berhenti menggunakan jika berlaku iritasi pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi dari kanak-kanak.

Kesan- kesan Sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Tiger Balm Plus Ointment

-Penyimpanan

Ia adalah disyorkan untuk menyimpannya dibawah suhu 30°C, di tempat kering. Digunakan dalam masa 4 tahun dari tarikh dibuat.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak diperlukan lagi.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Salap berwarna coklat dengan bau Menthol, Camphor, dan Methyl Salicylate.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Camphor, Menthol, Methyl Salicylate, Cajuput Oil, Dementholised Mint Oil, Clove Oil.

Bahan tidak aktif:
Paraffin, Petrolatum, Cassia Oil.

-Nombor MAL

MAL19973775X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Tiger Balm (M) Sdn.Bhd,
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,
Tebrau Industrial Estate,
81100 Johor Bahru, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

15/03/2018

Nombor Siri

NPRA (R4/1)070218/00040